

12/04/1997

Malaysia masih perlu bantuan Britain: PM

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Britain sebagai sahabat yang paling selesa bagi membantu Malaysia mencapai matlamat negara maju menjelang 2020.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia tidak dapat menjadi negara maju secara bersendirian, sebaliknya memerlukan bantuan negara sahabat yang mempunyai teknologi dan kemahiran.

Melalui kerjasama itu juga, katanya, Britain boleh mendapat keuntungan kerana usahawan Malaysia berkeupayaan memasarkan teknologi mereka seperti yang dilaksanakan oleh Jepun terhadap barangan Barat.

"Bagaimanapun, perbalahan tetap akan timbul tetapi kita sudah mengalami dua isu besar yang akhirnya menghasilkan persefahaman dan perhubungan yang lebih kukuh. Ini bermakna, kita boleh menghadapi sebarang isu pada masa depan.

"Persatuan Malaysia-British dan British-Malaysia boleh berfungsi untuk meningkatkan hubungan negara dan penduduk. Kerjasama ahli persatuan ini di bidang perniagaan sebenarnya patut diperluaskan kepada kebudayaan, pendidikan, malah agama.

"Ini bermakna, selagi kita boleh bersetuju untuk tidak bersetuju dan meninggalkan bilik mesyuarat sebagai kawan, kedua-dua persatuan ini boleh membincangkan pelbagai perkara tanpa had," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan ucapan di mesyuarat bersama Persatuan Malaysia-British dan British Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Mesyuarat itu dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Britain yang beroperasi di negara ini serta usahawan Malaysia. Ia bertujuan mengenal pasti peluang perniagaan di kedua-dua negara.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia amat berminat untuk menerima kehadiran pelajar Britain di sini, tetapi bukan untuk membuat kajian antropologi mengenai homo-Asia atau homo-Malaysia, sebaliknya mengenai pelbagai bidang ilmu yang lain.

Beliau memberi jaminan universiti tempatan setaraf dengan universiti di negara berkenaan.

"Melalui hubungan ini, pelajar Britain dapat belajar menghargai sistem nilai kami dan menjadi lebih baik apabila bekerja dengan media Britain atau pejabat luar Britain.

"Mereka juga mungkin belajar memahami dan bercakap dalam bahasa Inggeris ala Malaysia. Saya yakin hubungan Malaysia dan Britain akan mendapat keuntungan," katanya.

Dr Mahathir turut menjemput syarikat multimedia Britain untuk menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang disifatkannya sebagai medan ujian paling besar di dunia terhadap pengalaman sebenar teknologi siber.

Perdana Menteri kemudiannya menyaksikan upacara menandatangani memorandum usaha sama di antara Mara dan Kerajaan Britain untuk menubuhkan Institut British-Malaysia, di sini.

Mara diwakili Pengerusinya, Datuk Othman Abdul, manakala Kerajaan Britain oleh Pesuruhjaya Tingginya ke Malaysia, David Moss.

Institut berharga RM50 juta dan turut dikendalikan oleh British Aerospace itu akan menawarkan pelbagai kursus di bidang multimedia, bertujuan menampung permintaan tenaga pakar di bidang berkenaan.

Turut hadir di majlis itu, Presiden Persatuan Malaysia-British, Tan Sri Zainal Abidin Sulong dan Presiden Persatuan British-Malaysia, Lord Prior.

(END)